

06 JUL 2002

Rais-Pendang/I

SEMUA PIHAK PERLU HORMATI UNDANG-UNDANG SEMASA P'RAYA KECIL

KUALA KLAWANG, 6 Julai (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Rais Yatim hari ini menasihati semua pihak yang terlibat dengan pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit supaya berhati-hati dan menghormati undang-undang.

"Saya menyeru semua pihak yang berceramah di pilihan raya kecil Anak Bukit dan Pendang supaya mengikuti nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar kita mengendalikan pilihan raya kecil ini secara 'gentlemen' dan tidak menyakiti satu sama lain yang boleh membawa kepada hasutan atau menimbulkan persoalan di mahkamah undang-undang," katanya.

Semasa ditemui pemberita selepas merasmikan pesta menuai Kolam Ikan Tok Uban di Kampung Kemin dekat sini, beliau berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang yang berkenaan.

"Peruntukan mengikut akta kesalahan pilihan raya yang kini berada di Parlimen masih belum dikuatkuasakan. Bagaimanapun, undang-undang berkaitan hasutan dan orang awam masih sempurna," kata beliau.

Semasa diminta mengulas ucapan Anggota Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu yang mengatakan Perdana Menteri dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai "pemimpin haprak", Rais berkata pihak berkuasa akan memantau ucapan bercorak menghasut atau menghina mana-mana pihak dan tindakan tegas akan diambil.

"Jika ucapan berkenaan melanggar Akta Hasutan 1948, pihak berkenaan harus sedia terima bebanan undang-undang dan risiko kalau pihak berkuasa mengambil tindakan.

"Mohamad Sabu juga akan menerima implikasi yang sama kerana pakar kita dalam pendakwaan kena teliti implikasi daripada segi hasutan atau undang-undang lain yang boleh dikenakan pada pihak berkenaan," katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada pasukan polis kerana cepat bertindak terhadap pihak yang sengaja cuba menimbulkan kebencian dan membangkitkan perasaan tidak senang terhadap sesuatu pihak.

-- BERNAMA

APG ROS PR